



Calon yang memenangi kerusi umum MPM daripada wakil Evolusi dan ProMahasiswa selepas pengiraan undi Pemilihan Perwakilan Pelajar UTM Sesi 2012/2013.

Pelbagai inisiatif, bantuan kerajaan untuk pembangunan modal insan generasi muda



ROSNIZA MOHD TAHA

roniza@bharian.com.my

Keputusan pilihan raya kampus (PRK) institusi pengajian tinggi awam (IPTA) antara isu mencuri tumpuan tahun ini selain pelbagai inisiatif dilancarkan kerajaan bagi memastikan kebijakan mahasiswa.

Dalam suasana politik sekarang, kepautan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang pertama selepas pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AKU) 1971 (Pindaan 2012) itu dianggap sebagai pembayang ideologi politik generasi muda yang bakal diterjemahkan pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Jumlah penuntut IPTA mencapai 500,000 orang seluruh negara dan kebanyakannya ialah pengundi berdaftar bagi PRU-13. Hal ini menunjukkan betapa mahasiswa mempunyai pengaruh secara tidak langsung dalam mementukan keputusan PRU-13.

Pindaan AUKU

Pindaan AUKU membentarkan pelajar memang jawatkan dalam parti politik walaupun tidak dibenarkan melaksanakan kempen parti dalam kampus. Sebelum ini, pengaruh parti pembangkang dalam kampus dikatakan semakin kuat apabila ramai calon promahasiswa menang dalam beberapa pemilihan MPP lalu.

Kejayaan calon proaspirasri meraih kemenangan besar dalam pemilihan MPP kali ini dengan 18 universiti menyokong kerajaan membayangkan pengundi muda kembali memberi sokongan.

Ada pihak berpendapat perubahan ketara ini berikutnya dasar kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, yang memberi penekanan kepada masa depan generasi muda.

Susulan pindaan AUKU yang membemarkan mahasiswa aktif dalam aktiviti dan parti politik luar kampus juga, kerajaan memberi kebenaran pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) bertanding pada PRU-13 seperti diumumkan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed

Khaled Nordin, baru-baru ini. Kebenaran itu dikatakan tanda kerajaan mengiktiraf fungsi dan sumbangan serta kemampuan daya pemikiran mahasiswa negara masa kini, namun kebanyakan peneraju MPP menyifatkan terlalu awal bagi menyahut keterbukaan kerajaan dalam hal itu kerana mahasiswa hari ini masih belum cukup sesuai untuk bergelar pemimpin masyarakat yang mewujudkan komitmen tinggi.

Tahun ini turut menyaksikan penuntut IPT dilimpahi pelbagai inisiatif kebijakan bagi memastikan kelancaran pengajian dan mengurangkan kos sara hidup mereka.

Antaranya, pengagihan baucar buku 1Malaysia bernilai RM200 untuk membeli buku ilmiah yang mula diagihkan awal Januari lalu membabitkan peruntukan RM260 juta bagi 1.3 juta pelajar IPT seluruh negara.

Bagaimanapun, tindakan segelintir pelajar menyalahgunakan bantuan itu di kesali termasuk membeli bahan bacaan tidak berfaedah dan menjualnya secara terbuka dengan potongan harga istimewa menerusi internet.

Kad Siswa 1Malaysia

Kedai Siswa 1Malaysia (Siswasave) dan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KDS1M) ialah dua lagi inisiatif kerajaan bagi mengurangkan kos sara hidup pelajar.

Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

memperuntukkan RM1.3 juta bagi membuka Siswasave yang menjual barang keperluan harian pelajar pada harga 10 hingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran di 13 institusi IPT tempatan.

Siswasave yang dikendalikan dengan kerjasama Gabungan Koperasi Siswa Malaysia Berhad (KOSISMA) akan diserahkan kepada Koperasi Usahawan Siswa (KOSISWA) selepas enam bulan beroperasi untuk diuruskan, selain diharap dapat mendedahkan pelajar IPT kepada kemahiran perniagaan.



Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin (kanan) ketika melancarkan **Pelan Kebolehpasaran Graduan dan Pusat Kecemerlangan Industri (ICOE)** di Putrajaya, baru-baru ini.



Pelajar menunjukkan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia.

Pelajar tentukan masa depan negara

Pendekatan itu membolehkan Siswa-Save dijadikan inkubator perniagaan kedai runcit sebagai satu daripada program pembangunan keusahawanan, sekali gus menyediakan barang asas keperluan pelajar pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran.

Sementara itu, KDS1M membolehkan pelajar IPT menikmati potongan harga sehingga 60 peratus bagi pembelian barang di pasar raya dan kedai terpilih.

Dengan memiliki KDS1M, kira-kira 1.5 juta pelajar IPT awam dan swasta boleh menikmati potongan harga berkenaan ketika membeli pelbagai barang keperluan di lebih 1,200 premis perniagaan.

Di sebalik pelbagai inisiatif kerajaan bagi membantu pelajar ini, masih ada segelintir pelajar yang tidak berterima kasih apabila mendesak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) yang ditubuhkan bagi membantu pelajar menampung pembayaran pengajian tinggi dimansuhkan dan mahu kerajaan menyediakan pendidikan percuma.

Hakikatnya pengajian tinggi percuma membabitkan dana besar dan memerlukan kerajaan mengurangkan subsidi bagi sektor lain termasuk keselamatan, sosial, ekonomi dan kesihatan.

Justeru, perubahan Generasi dan Inovasi (Genovasi) pada tahun ini tepat pada

waktunya bagi mengembangkan idea dan kemahiran generasi muda. Inisiatif baru kerajaan itu bertujuan membangunkan kemahiran inovasi belia tempatan yang membolehkan mereka mencipta kekayaan serta memperbaiki taraf hidup.

Kira-kira 70 peratus rakyat negara ini berumur bawah 40 tahun. Sebahagian daripada mereka bukan saja berkemahiran tinggi, tetapi juga mempunyai potensi yang belum dimanfaat sepenuhnya. Banyak idea kreatif yang terpendam begitu saja kerana tiada badan yang menjadi ejen untuk mengembangkan daya cipta mereka.

Idea kreatif dan inovasi juga antara kemahiran insan yang menjadi buruan majikan dan dianggap masih kurang dibangunkan di negara ini.

Perubahan Genovasi yang diterajui Unit Inovasi Khas Jabatan Perdana Menteri itu mampu membangunkan belia untuk menjadi Duta Inovasi negara, sekali gus meletakkan nama negara sebagai putra keseluruhan SUKIPT.

perlu berdaftar atau menjadi ahli kepada sebarang pertubuhan, persatuan, kelab atau mana-mana badan beruniform.

Dengan ini diharap dalam kesibukan mengejar cita-cita, ia tidak menghalang penuntut IPT prihatin kepada nasib dan masa depan masyarakat melalui aktiviti sukarela. Membatikan diri dalam aktiviti sukarela akan memberi nilai tambah kepada graduan untuk menjadi warga negara berjiwa besar, memimpin masyarakat dan memikirkan soal ummah.

Bagi menggalakkan graduan menyumbang melampaui kepentingan diri mereka, usaha mendekatkan warga kampus dengan masyarakat menerusi aktiviti kesakrelawanan disifatkan sebagai pendedahan berkesan.

Bagi memastikan hal ini, kerajaan turut menubuhkan entiti kesakrelawanan yang dikenali sebagai 1Malaysia For Youth (1M4U) tahun ini bagi membolehkan semua pihak terutama belia mencurah khidmat bakti kepada masyarakat tanpa

1M4U Outreach Centers diwujud

Sebanyak 100 1M4U Outreach Centers akan diwujudkan di semua IPT secara berperingkat bagi menggalakkan generasi muda mendukung aspirasi negara itu.

Hadir dengan hanya menyasarkan 36 emas, namun kejayaan membawa pulang 60 pingat emas, 48 perak dan 72 gangsa cukup melahirkan rasa bangga dalam kalangan setiap atlit dan pegawai kontinjen negara.



FAKTA NOMBOR

RM200 jumlah

baucar buku 1Malaysia kepada setiap siswa

1.3 juta

pelajar IPT seluruh negara

agenda pembangunan holistik penuntut IPT.

Seperi dijangka, Universiti Putra Malaysia (UPM)

yang memiliki ramai atlit kebangsaan, berjaya membuktikan keunggulan mereka dalam bidang sukan apabila diumumkan sebagai juara keseluruhan SUKIPT edisi sulung itu.

Dengan jumlah pungutan pingat 52 emas, 5 perak dan 22 gangsa, UPM berjaya mengetepikan Universiti Teknologi MARA di tempat kedua dengan kutipan 39 pingat emas, 23 perak dan 44 gangsa, manakala, tempat ketiga diraih Universiti Malaysia Perlis dengan 17 emas, satu perak dan lima gangsa.

Kejayaan kontinjen Malaysia menjuarai Sukan Universiti ASEAN (AUG) edisi ke-16 buat julung kali di luar negara sejak 30 tahun sejara penganguran sukan IPT peringkat Asia Tenggara itu menutup tirai pengajian tinggi tahun ini dengan gelar.